

Sumbangan Islam Dalam Ilmu Sains

Sesungguhnya kemajuan ilmu pengetahuan di bidang sains, pada hari ini, adalah lanjutan hasil usaha para bijak pandai di zaman dahulu. Dan suatu perkara yang tidak dapat dinafikan bahawa sumbangan para ulama-ulama Islam di zaman lampau - yang merupakan daripada asas-asas kemajuan sains di abad moden ini - adalah amat besar sekali. Riwayat hidup mereka sebagai orang-orang yang berjasa di arena ilmu pengetahuan, tetap akan kekal abadi di dalam lipatan sejarah.

(Oleh: Ain Wahab Jalal)

Biasanya, yang selalu menjadi objek kajian sains tabi'i (*natural science*) terdiri daripada ilmu-ilmu kaji bintang (astronomi), kimia (*chemistry*), kaji bumi (geologi), ilmu alam (fizik), kaji haiwan (zoologi), tumbuh-tumbuhan (botani) dan ilmu bumi (geografi).

Bila dikaji sejarah kebudayaan dan peradaban Islam, jelaslah bahawa peranan yang dimainkan oleh ulama-ulama Islam di dalam ilmu-ilmu tersebut amat mengagumkan. Sebab, setelah diselidiki dengan adil dan saksama ternyata, bahawa di antara teori sarjana-sarjana Islam di abad lampau, adalah merupakan pembuka jalan kepada perkembangan sains di zaman ini. Bahkan setengah-setengah sarjana barat menjadikan teori-teori sarjana Islam itu, sebagai pangkalan tempat bertolak dalam rangka penyelidikan mereka di bidang sains, untuk peradaban manusia sejagat.

Roh yang ditiupkan oleh al-Qur'an al-karim ke dalam jiwa umat Islam, setelah melahirkan satu revolusi yang tidak ada taranya dalam sejarah peradaban manusia. mengatasi segala revolusi dan peradaban, baik peradaban Romani atau Yunani, mahupun peradaban manusia di abad industri ini.

Kesempurnaan revolusi Islam, terutama di medan ilmu pengetahuan telah sampai ke mercunya, apakala ulama Islam menggali, mengkaji dan mentafsirkan hikmah al-Qur'an al-Karim dan al-hadith al-nabawi yang tidak pernah kering, itu, dipersembahkan kepada masyarakat manusia seluruhnya. Malah daripada kedua-dua sumber inilah, yang menyebabkan sarjana-sarjana Islam tidak mengenal penat lelah menyusun, mengarang kitab, makalah dan mengumpulkan pendapat-pendapat di dalam segenap jurusan ilmu pengetahuan; menyelidiki dan menghidupkan semula ilmu-ilmu Yunani dan Rom purbakala, yang telah lama terkubur.

Ada di antara penyelidik-penyelidik Islam berpendapat bahawa hasil karya umat Islam di zaman gemilangnya (661-1258M) yang berbentuk kitab-kitab, berjumlah lebih kurang tujuh juta naskhah. Di antara naskhah-naskhah yang berharga itu ada yang telah hilang, dan setengahnya masih lagi tersimpan di kutubkhanah dan perpustakaan-perpustakaan di Timur Tengah dan negeri-negeri barat.

Di bawah ini akan diterangkan secara ringkas beberapa sumbangan ulama-ulama dan profesor-profesor Islam di dalam ilmu sains, berdasarkan sejarah dan penyelidikan yang terperinci. Moga-moga akan menjadi renungan bersama.

Ilmu Kaji Bintang atau Ilmu Falak

Ilmu kaji bintang mula berkembang di kalangan umat Islam di zaman Khalifah Abbasiyah di Baghdad dan telah mencapai mercunya di zaman al-Ma'mun (198-218H).

Lahirnya ahli kaji bintang yang kenamaan seumpama: Abu Yusuf al-Kindi (185-260H), seorang filsuf yang kenamaan, di samping seorang sarjana yang ulung. Beliau mengarang kitab-kitab ilmu bintang atau menterjemahkan karya-karya Yunani kuno. Di antara kitab-kitabnya mengenai ilmu ini ialah "*fi kawakib al-zawābah*"¹, "*Istihzāj Bu'da Markaz al-Qamar min al-Ard*"², "*Ma'iyatu al-falaku wa allawanu al-lazimi al-lazuwardi al-mahsūsi fi jahati al-samā'i*" dan lain-lain.

Kitab-kitab ini kemudiannya dijadikan dasar bagi ahli-ahli ilmu falak Islam.

Abū 'Abd Allāh Muḥammad ibn Jābir yang terkenal dengan sebutan "al-Baṭṭāni" (858-929M), adalah sarjana Falak Islam yang amat terkenal di dunia barat. Amat mahir di dalam ilmu-ilmu bumi, hisab dan ilmu *al-hai'ah* (ilmu lapisan langit). Beliau telah menghabiskan usianya dengan mengkaji perjalanan bintang dan telah menyusun jadual astronomi, yang boleh dikatakan jauh lebih sempurna daripada apa yang telah disusun oleh Batlamyus di dalam katanya "*Almagest*".

Di antara hasil karyanya mengenai ilmu ini ialah: "*Ma'rifat Maṭāli' al-Burūj fi mā Bayna 'Arbā' al-Falak*", "*Risalah fi Tahkik Akdār al-Ittiṣālat*" dan "*Al Zij*" iaitu kitab yang menunjukkan perjalanan bintang-bintang.

Al-Zarqali, atau nama penuhnya Abū Ibrāhīm Yaḥyā al-Naqqāsh (1029-1089M) sarjana ilmu falak Islam yang dilahirkan di Sepanyol. Seorang yang banyak mereka alat-alat

astronomi dan telah mengkritik beberapa pendapat ahli-ahli Falak yang bertentangan, sebelumnya.

Selain daripada mereka ini, masih banyak lagi ahli-ahli falak Islam, yang jikalau hendak diterangkan satu persatu beserta hasil-hasil karya mereka nescaya memakan halaman yang amat banyak. Di antaranya Abu al-Ma'shar (meninggal 272H), al-Biruni (362-442H), al-Fazrī (meninggal 796M) al-Khawarizmi (meninggal 232H) dan lain-lain.

Mereka ini adalah tokoh-tokoh teragung di dalam dunia ilmu bintang dan hasil karya mereka banyak yang diterjemahkan ke bahasa-bahasa barat.

Demikianlah sumbangan ilmu kaji bintang di dalam Islam. sehingga ulama-ulama dapat menentukan waktu sembahyang dengan tepat di mana sahaja umat Islam berada.

"Baghdad" lah pusat pertama. Tetapi di samping Baghdad masih ada terdapat pula beberapa penyelidikan falak di negeri-negeri yang memanjang dari Asia Tengah sampai ke Lautan Atlantik. Berdirilah teleskop-teleskop (peneropong bintang) di Damsyik, Samarkand, Kaherah, Fez, Torledo dan di Cordoba (Qurtubah).

Ilmu Kimia (*Chemistry*)

Sumbangan ulama Islam di dalam ilmu kimia, merupakan sumbangan yang kekal abadi, tidak mungkin dilupakan oleh dunia perubatan dan perusahaan.

Di medan ini, Islam telah melahirkan beberapa sarjana yang besar, kemudiannya hasil usaha mereka menjadi kajian universiti-universiti di negeri Eropah.

Di antaranya ialah Abu Bakar Muhammad bin Zakariya al-Rāzī (864-932M) mendapat gelaran "Jalinus al-Arab" atau "Tabib Muslimin", seorang pendekar

¹ Perkataan yang sebenarnya adalah *Kitab Risalah Fi Syuruq Al-Kawakib wa Ghurubiha bi Al-Handasah*

² Ejaan sebenar *Istihzāj Bu'da Markaz al-Qamar min al-Ard*

kimia Islam yang amat berjasa menyelidiki berbagai-bagai benda dan ramuan. Seorang tabib Islam yang teragung pada abad pertengahan, di timur dan di barat.

Di dalam kitabnya "*Sirr al-Asrar*" Al-Razi telah menyebutkan cara-cara melakukan percubaan (eksperimen) di dalam kimia, dan apakah yang harus disediakan oleh seorang ahli kimia mengenai alat-alat dan bahan-bahan sebelum hendak memulakan pekerjaan.

Di antara hasil karya al-Razi ialah: "*Miḥnah al-Dhazab wa al-Fiḍḍah wa al-Mīzān al-Ṭabīʿī*", "*Kitab al-Isbāteḥ*", "*al-Hawī*" iaitu kitabnya yang terbesar mengenai ilmu kedokteran.

Seorang lagi ahli kimia Islam ialah Jābir ibn Hayyān, yang hidup di Kufah lebih kurang (776M).

Di dalam kitabnya "*al-Rahmah*" beliau telah membicarakan dengan

panjang lebar cara-cara hendak mengubah bahan-bahan galian kepada emas.

Selain dari kedua mereka ini di dalam Islam, masih banyak lagi seumpama 'Abd al-Malik ibn Zuhr dari Andalusia, Abu al-Qasim, Ibnu Sina dan lain-lain.

Hasil kajian daripada ilmu kimia ini, menjadi sebab yang utama bagi kemajuan ilmu ketabiban. Dengan pertolongan ilmu ini umat Islam telah dapat membuat berbagai-bagai ubatan dan mendirikan hospital-hospital. Malah merekalah yang mula-mula mendirikan rumah-rumah sakit.

Demikian pula sarjana kimia Islam, telah mengatasi segala bangsa dalam ilmu mencelup bulu-bulu dengan aneka warna yang indah, menyamak kulit, membuat minyak wangi, membuat serba macam minuman dan buah-buahan. Di antara istilah-istilah kimia-kimia yang masih dipakai sampai sekarang

Abu Bakar As-Siddiq

Buku sejarah Islam yang menceritakan khalifah Rasulullah yang pertama iaitu "Abu Bakar Al-Siddiq"

susunan Syeikh Abdullah Basmeh telah dicetak semula dalam satu penggal, siap untuk dipesan dengan

harga senaskhah \$2.50

* * *

Buku ini telah dicetak dua penggal kerana pada masa diterbitkan dahulu penghargaan kepada buku-buku tarikh tidaklah sebegitu mendapat perhatian. Melihat kepada perkembangan-perkembangan yang ada sekarang maka buku ini dicetak semula dengan dijadikan satu penggal dengan diubah tekniknya mengikut perkembangan masa sekarang. Dengan perubahan tekniknya ini diharap kelak dapatlah ia menarik perhatian pembaca-pembaca dan penggemar-penggemar perpustakaan untuk membaca dan memilikinya.

Pesan kepada: _

Qalam, 356/8 Geylang Road Singapura 14.

berasal daripada Bahasa Arab ialah seperti *al-kahwl*, *kafur*, *alkali*, *al-ras*, *al-kotton al-sukkar* dan sebagainya.

Bahkan orang-orang Eropah mengetahui cara-cara membuat gula, sutera dan kertas, adalah berasal daripada orang-orang Islam.

Kaji Bumi dan Ilmu Alam (Fizik)

Mungkin di dalam bahagian ilmu kaji Bumi dan ilmu alam, sumbangan Islam tidak begitu besar, lantaran sarjana-sarjana Islam di zaman keagungannya perhatian mereka lebih banyak tertumpu ke alam falsafah, tibb (Kedokteran), falak, riadah dan ilmu-ilmu agama, namun kajian mereka terhadap ilmu-ilmu ini tidaklah pula diabaikan.

Secara teorinya, mereka telah mengetahui tentang lapisan-lapisan bumi dan jenis-jenis tanahnya. Dan mengetahui jenis-jenis logam yang terkandung di dalamnya. Mereka mengetahui tentang pertukaran udara dan cuaca. Mereka mengetahui tentang perubahan musim, apatah lagi mengembara dan merantau itu memang sudah merupakan tradisi kepada orang-orang Islam di zaman itu, jadi pengetahuan mengenai pertukaran cuaca dan musim itu amat mustahak bagi mereka mengetahuinya.

Sarjana-sarjana Islam menyelidiki asal usul ilmu, tentang gerak bumi dan hakikat sesuatu mengenai alam. Ini jelas tergambar di dalam aliran-aliran falsafah mereka tentang "*al-ilm al-mawjud*".

Ulama Islam yang terkemuka di lapangan ini, bolehlah dimasukkan, selain daripada ahli-ahli kimia yang disebutkan tadi ialah Abū 'Alī Muḥammad bin al-Ḥasan bin al-Haytham, yang dilahirkan di Basrah (965M) wafat di Mesir tahun (1039M).

"Al-Haytham" lah yang dikatakan orang yang mula-mula mendapat dasar membuat alat-alat "fotografi" ini, sebelum

Leonardo da Vinci, sarjana Itali (1452)-1519M).

Selain dari itu beliau amat terkenal dalam ilmu yang dinamakan "ilmu al-Mar'iyāf" iaitu ilmu yang bersangkutan paut tentang perjalanan sinar matahari. Di antara hasil kajian beliau yang berupa kitab-kitab ialah: "*al-manāẓir*", "*Kayfiyat al-izlāl*," dan *Fi al-Marayā al-Muhriqah bi al-Dawā'ir*".

Juga yang amat ahli tentang ilmu alam ini ialah Abū 'Alī al-Ḥusayn bin Sīnā dan beberapa ulama-ulama falsafah Islam yang lain.

Ilmu Haiwan dan Tumbuh-tumbuhan

Begitu pula ulama-ulama Islam, amat mengambil berat memerhatikan dari hal kejadian-kejadian haiwan di muka bumi ini. Dengan amat saksama dan teliti mereka mempelajari sifat-sifat dan tabiat-tabiāt binatang, sehingga mereka (orang Islam) dapat menternak jenis-jenis binatang dengan biaknya, sesuai dengan keadaan hawa dan makanannya di sesuatu tempat.

Di antara sarjana-sarjana Islam yang terkenal di bidang ini ialah Abu 'Uthman Amr bin Bahr Al-Jahiz. Dilahirkan di Basrah tahun (776M) dan wafat pada tahun (809M).

Di dalam kitabnya yang mahsyur "*al-Hayāwan*", al-Jahiz, telah menghuraikan sebuah kajiannya yang amat bernilai mengenai perubahan, suasana yang melingkungi alam manusia dan binatang. Di dalam kitab ini jelas, al-Jahiz cuba melahirkan beberapa teorinya yang tertentu mengenai binatang-binatang. Kitab "*al-Hayawan*" setebal tujuh jilid.

Tentang ilmu tumbuh-tumbuhan pula amat terkenal Ḍiya' al-Dīn Abu Muḥammad Abdullah bin Ahmad, termahsyur dengan gelaran "Ibn al-Bayṭār".

Dialah sarjana Islam yang amat mahir tentang ilmu tumbuh-tumbuhan. Banyak mengembara ke beberapa buah negeri, seumpama Asia Kecil, Mesir dan Syria, sambil mempelajari tumbuhan di negeri-negeri tersebut. Sehingga beliau dapat membezakan di antara pokok yang beracun atau tidak. Yang boleh dijadikan ubat atau sebagainya.

Dalam karya "*al-Jāmi' fī al-Awḍiyah al-Mufradāt*"³ dan "*al-Mughnī fī al-Awḍiyah al-Mufradāt*"⁴ telah diterangkan tentang faedah-faedah dan khasiat-khasiat setiap jenis tumbuhan yang dipelajarinya.

Al-Baytar wafat pada tahun (1248M) di Damsyik.

Ilmu Bumi (Geografi)

Sumbangan Islam dalam ilmu bumi, memadailah dengan menyebutkan beberapa nama yang tak asing lagi di Timur dan di Barat seumpama: Ibn Baṭūṭṭah (1304-1378M).

Iaitu seorang pengembara Islam yang telah menghabiskan usianya merantau ke segenap negeri selama dua puluh sembilan tahun. Diziarahinya negeri-negeri Sham, Palestin, Hijaz, Iraq, negeri-negeri Selatan Arab, Asia Kecil, Afrika Timur, Khawariz, Afghanistan, India, negeri China hinggalah sampai ke Sumatera.

Kitabnya yang bernama "*Tuhfat al-Nuẓẓār fī Gharā'ib al-Anṣār wa 'Ajā'ib al-Asfār*" merupakan satu hasil karya yang tidak ternilai harganya. Di dalamnya penuh berisi dengan berbagai-bagai kejadian, nama-nama tempat daerah. Kitab ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa-bahasa barat.

Al-Mas'udi (meninggalkan pada tahun 956M), adalah tokoh geografi Islam yang terkemuka. Mengelilingi beberapa buah negeri hingga sampai ke Madagaskar dan perbatasan negeri-negeri Rusia.

Pusaknya yang terkenal ialah "*Murūj al-Dhahab wa Ma'ādin al-Jawhar*."

Ibn Jubayr (1145-1247M) mengembara ke beberapa negeri. Hasil karyanya yang terkenal ialah "*Rihla Ibn Jubayr*". Kitab ini telah dicap kali pertamanya di Leiden (1852M) beberapa bahagian daripadanya telah diterjemahkan ke bahasa Perancis (1846M) dan ke bahasa Itali (1896M).

Selain daripada mereka ini, masih banyak lagi pengembara-pengembara Islam seumpama al-Biruni, al-Idrisi dan lain-lain.

Tentu sahaja mereka ini telah berjasa terhadap perkembangan ilmu geografi moden. Berkat penerangan ahli-ahli geografi Islam ini, bangsa Arab (Islam) telah mendapat Pulau (Azores) di Laut Atlantik, dan gurun pasir di benua Afrika.

Ahli ilmu bumi Islam, telah melukiskan beberapa peta bumi yang tiada ternilai harganya. Di antaranya yang dibuat oleh al-Idrisi, untuk Roger ke-2 raja Sisilia dan Naples, pada tahun (1150M) dan beberapa peta lagi yang sukar bandingnya, dibuat di zaman Mu'izz li-Dīni Allah al-Fatimiy di Mesir.

Demikianlah sumbangan Islam di dalam ilmu sains secara ringkas. Jelas kepada kita bahawa peranan yang dimainkan oleh ulama-ulama Islam di zaman dahulu, adalah menepati maksud al-Qur'ān al-Karīm dan al-ḥadīth al-Sharif.

Tetapi betapa sedihnya kita melihat umat Islam di zaman ini, mereka terkebelakang di segala jurusan. Terutama kita bangsa Melayu.

¹ Judul sebenar ialah: *al-Jāmi' fī al-Adawiyah al-Mufradāt*

² Judul sebenar ialah: *al-Mughnī fī al-Adawiyah al-Mufradāt*

Kita janganlah hanya tahu membangga-banggakan hasil usaha datuk nenek Islam kita di zaman purba, tetapi ayuh mari kita lanjutkan pula usaha mereka, kita berjihad di segala medan, sesuai dengan keadaan masa dan perkembangan ilmu pengetahuan semoga Allah akan menjadikan kita *“ummatan wasaṭan litakūnū shuhadā’ ‘alā al-nās wa yakūnu al-rasūlu ‘alaykum shahida”*, iaitu umat yang pertengahan, supaya kamu menjadi saksi atas manusia, dan adalah Rasul menjadi saksi pula atas kamu.



Kalau Ingin Bahagia Pusatkan Fikiran Kita Pada Yang Baik

Hampir sembilan puluh peratus dari segala sesuatu dalam kehidupan kita ini adalah benar, dan sepuluh peratus lainnya adalah salah. Kalau kita mahu bahagia jangan menghitung-hitung dan mengumpulkan segala kesalahan yang hanya sepuluh peratus itu sahaja, tetapi pusatkanlah perhatian kepada apa-apa yang benar. Dan kalau saudara ingin hidup pahit dan celaka, silakan mencari-cari segala kesalahan, baik kesalahan diri sendiri, mahupun kesalahan orang lain, saudara akan menjadi langganan doktor urat saraf.

Kalau saudara ingin bahagia fikirkan pada apa-apa yang baik - segi-segi yang baiknya sahaja dari kehidupan. Kalau ingin hidup pahit, fikirkanlah segi-segi yang buruk dari kehidupan. Kalau ingin bahagia, fikirkan budi dan jasa, baik dari diri sendiri mahu pun dari orang lain. Kalau ingin celaka, catitlah semua kesalahan orang lain.- Dal Kerinchi.

Bacalah!

Isteri-Isteri Nabi

Dipersuaikan oleh: Umm Muhsin daripada kitab

Nisā’ al-Nabiyy karangan Dr Bint al-Shāṭi’

Sebuah buku yang

menggambarkan dengan sejasnya-sejasnya

rumah tangga Rasulullah *ṣallā Allāhu*

‘alayhi wa sallam yang menjadi

ikutan dan contoh utama bagi

umat Islam seluruhnya.



Sebuah buku yang sangat

penting dibaca, terutama oleh

wanita-wanita Islam.

Tebalnya 242 muka dan harganya \$2.50 sahaja

tambah belanja mengirimnya 20 sen.

Pesanlah kepada penerbitnya:

QALAM

8/356, GEYLANG ROAD

SINGAPORE, 14

(sambungan dari muka 2)

Apa kata Othman Wok dan Rahim Ishak? Orang Melayu butakah? Banyak bukti lagi kalau mahu.

* * *

Harry Lee sindir-sindir bahawa Menteri-menteri dari Pusat selalu datang ke Singapura, Tun Abdul Razak, En. Senu dan En. Khir. Singapura sentiasa terbuka untuk mereka tetapi katanya mengapa pula orang di Pusat tidak suka ia datang ke Tanah Melayu. Lihat putar belit Harry Lee! Pusat datang ke mari kerana ada tugasnya - En. Khir sebagai Ketua Perhubungan UMNO, En. Senu sebagai Menteri Penerangan yang berkuasa atas radio dan seumpamanya yang sekarang dijadikan medan propaganda PETIR dengan percuma dengan mengorbankan duit rakyat - Tun sebagai Menteri Pertahanan dan Timbalan Perdana Menteri yang mempunyai tugas di dalam Malaysia kerana Singapura termasuk di bawah kementeriannya tetapi Harry Lee mahu ke Tanah Melayu mahu apa, apa kerja mahu dibuat? Mahu buat lidah tak bercabang maki sana nafikan di sinikah? Ya orang tahu! Cakap sentiasa menyakitkan hati orang! Akibat daripada ini? Lihat sahaja kalau selalu nanti!

* * *

Dr Toh Chin Chye bilang kerajaan pusat ada orang-orang mahu tangkap Harry Lee! Tun Razak bilang tidak, kerana Lee tidak ada bersalah apa-apa. Lee tidak senang dan mungkin tidak dapat tidur sebab ertinya tidak peduli ia siapa kalau menyalahi undang-undang tentu ditangkap! Harry tidak mahu ada syarat - maksudnya kalau ada kesalahan pun biarkan! Begitukah kehendak Harry Lee? Kalau begini kiamatlah dunia! Itulah tandanya Yakjuj wa Makjuj sudah tiba siap!

* * *

Yang Dipertua Jabatan Agama Islam Selangor dalam ucapannya akhir bulan yang lalu di Majlis Perayaan Maulud Nabi di Klang menceterakan bagaimana kelakuan penghinaan

dilakukan terhadap Qur'an oleh seorang wanita "Melayu". Kejadian ini berlaku di sekolah jenis Kebangsaan Bukit Istana Alam Shah, di Klang. Beliau menceritakan lima orang kanak-kanak disuruhnya memijak Al-Qur'an yang terletak di atas simen. Jabatan Agama tidak dapat melangkah dengan tegas sebab undang-undang pejabat agama tidak ada ditentukan hukumnya dan sebab itu beliau menyerahkan perkara itu kepada pihak yang lebih atas. Apakah perkara yang terang menghina itu bertindak menunggu undang-undang? Kalau undang-undang ditunggu mungkin kelak orang ramai bertindak sendiri. Kalau begini baharulah gamat!

* * *

Harry Lee buat lagi analisa untuk naikkan kemarahan orang ramai Islam dengan membuat satu analisa dari dua golongan - golongan 60 peratus yang makan babi dan 39 peratus yang tidak makan babi. Ini satu fitnah jahat boleh menaikkan kemarahan orang! Adakah Harry Lee buat begitu untuk memancing orang membuat huru hara di negeri ini? Nanti kalau ia tahu orang marah ia nafikan atau pun tali barutnya disuruhnya menafikannya - memang lidah tak bertulang.

* * *

Setelah melawat Singapura Tun Abdul Razak banyak membidas Harry Lee dengan PETIRnya dan yang tegas sekali beliau menyatakan bahawa "Lee Kuan Yew dan P.A.P sekarang merupakan musuh negara yang merbahaya yang mesti dihadapi." Kalau dah tahu berbahaya dan jadi musuh negara mengapa tak disapu bersih sahaja Tun dari sekarang! Tegas dan keras lagi baik. Pembersihan diadakan sebelum berbencana lagi baik. Orang sekarang sudah meluat dengan cara Tengku "mahu lembut-lembut" sahaja lagi kerana terlembut nanti cacing naik ke mata - kan Belanda tak boleh diberi tanah! tegas Tun - seluruh rakyat berdiri di belakang Tun - In shā'a Allāh